

22 JUL 2003

Sukan-Selat Inggeris (Hishammuddin)
MALIK SUDAH CUKUP BERSEDIA, KATA HISHAMMUDDIN

Oleh: Asan Ahmad

DOVER (London), 22 Julai (Bernama) -- Perenang marathon negara Abdul Malik Mydin sudah berada pada peringkat yang cukup bersedia untuk menghadapi cabaran merentasi Selat Inggeris yang dijadualkan Jumaat ini.

Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein berkata segala-galanya berjalan seperti yang telah dirancang dan Malik hanya menunggu masa sahaja untuk memulakan cabaran itu.

"Persediaan kita sudah sampai ke peringkat yang terbaik dan berharap ia akan berjalan dengan sempurna sehingga ke garis penamat," kata Hishammuddin dalam satu sidang media di sini hari ini.

Semua sudah dilaksanakan dengan baik dan Malik hanya menunggu masa sahaja untuk berlepas, jelas Hishammuddin.

Menurut Hishammuddin beliau tidak perlu lagi menjelaskan tentang persediaan yang telah dijalankan oleh Malik bagi menghadapi cabaran ini kerana persediaan selama empat tahun sudah cukup untuk membuktikan betapa seriusnya beliau untuk merealisasikan hasrat murni ini.

"Saya juga yakin bahawa Malik sudah cukup bersedia dari segi kekuatan mental, kecergasan mahupun teknik dan apa yang perlu beliau jalankan sekarang ialah untuk berehat secukupnya sebelum renangan," kata Hishammuddin.

Saya sudah lama mengikuti perkembangan Malik dan oleh itu saya tidak merasa ragu terhadap keupayaan beliau dan berdasarkan kepada pencapaian rakyat Malaysia dalam aktiviti luar biasa sebelum ini, saya tidak nampak kenapa Malik tidak boleh berjaya, katanya.

Menurut Hishammuddin sebelum ini nama Malaysia telah diharumkan menerusi pencapaian rakyat Malaysia yang berjaya menawan puncak Everest dan kemudiannya diikuti dengan pelayaran secara solo oleh Datuk Azhar Mansor yang mengelilingi dunia menggunakan perahu layar Jalur Gemilang dan yang terakhir ialah kejayaan Hassan Nawawi yang menjelajah dunia menggunakan basikal.

"Jadi, melihat kepada kejayaan itu saya tidak nampak kenapa Malik tidak boleh berjaya...dan ini giliran beliau pula untuk mengharumkan nama negara...sekali gus membuktikan bahawa rakyat kita juga mampu bersaing," kata Hishammuddin.

Ditanya mengenai persediaan dengan pihak "Channel Swimming and Piloting Federation" (CSPF) yang akan memantau renangan Malik itu kelak, Hishammuddin menjelaskan bahawa perkara itu sudah tidak berbangkit lagi kerana segala-galanya sudah diatur dengan baik.

"Saya juga difahamkan bahawa pihak CSPF akan menentukan masa paling sesuai untuk Malik memulakan renangan itu...sama ada pada waktu siang ke malam ke, itu mereka belum putus kerana ia banyak bergantung kepada faktor cuaca," katanya.

Pihak CSPF juga telah memaklumkan bahawa mereka akan memberikan laluan paling sesuai dan selamat untuk renangan Malik itu kelak, jelasnya.

Daripada segi sokongan, Hishammuddin berkata semua rakyat Malaysia yang berada di London sudah pun membuat persiapan sendiri untuk sama-sama berada di Dover bagi memberi sokongan moral kepada Malik.

"Demikian juga dengan rakyat kita di Perancis yang sudah pun membuat persediaan untuk tujuan itu termasuk rombongan seramai 13 anggota Umno Bagan Pulau Pinang yang tiba di sini semalam, khusus untuk memberi sokongan kepada Malik," kata Hishammuddin.

Selain itu, usaha Malik untuk mencatat sejarah sebagai anak Malaysia

pertama merentasi Selat Inggeris turut diiringi doa rakyat Malaysia, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang merupakan orang paling kuat medokong usaha murni ini.

"Ini bukanlah perkara mudah untuk dilakukan dan setiap doa yang dihulurkan itu akan membantu Malik menunaikan cabaran ini dengan jayanya. Berenang sejauh 32.8km atau 22 batu tanpa henti dalam keadaan laut yang bergelora dan berarus itu bukanlah satu perkara mudah dan hanya mereka yang mempunyai keyakinan diri dan semangat tinggi sahaja mampu untuk melakukannya," katanya.

Katanya sejak tradisi renang di Selat Inggeris bermula pada tahun 1875 yang telah membabitkan 7,000 perenang marathon setakat ini, hanya 600 perenang sahaja yang berjaya setakat ini dan ini membuktikan bahawa usaha ini bukanlah satu perkara mudah.

Ditanya mengenai ganjaran sekiranya Malik berjaya melepasi cabaran ini, Hishammuddin menjelaskan bahawa itu bukanlah perkara pokok.

"Ganjaran yang paling bermakna bagi Malik di sini ialah sokongan khususnya daripada pihak penaja yang telah banyak membantu menjayakan cabaran ini.

"Kalau hendak beri ganjaran pun kena tunggu sehingga usaha Malik ini selesai dan selepas itu baru boleh difikirkan," kata Hishamuddin.

-- BERNAMA

AHA LAT